

Headline	Kempen Pupuk Rasa Hormat sempena Hari Kanak Kanak 2011		
MediaTitle	Mingguan MStar		
Date	20 Nov 2011	Color	Full Color
Section	News	Circulation	320,964
Page No	6	Readership	1,072,000
Language	Malay	ArticleSize	320 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,975
Frequency	Weekly	PR Value	RM 35,925



Kempen Pupuk Rasa Hormat sempena Hari Kanak-Kanak 2011

SEMPENA Hari Kanak-Kanak Sedunia 2011 juga, Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) mengadakan kempen bagi memupuk rasa hormat sesama kanak-kanak.

Wakil UNICEF ke Malaysia, Hans Olsen berkata, kempen berbentuk hebahan pesanan khidmat masyarakat (PSA) itu adalah selari dengan tema Hari Kanak-Kanak Sedunia tahun ini iaitu 'Pupuk Rasa Hormat' (*Teach Respect*).

"Sebanyak dua jenis hebahan format video selama 30 saat telah disediakan untuk kempen ini dan boleh ditonton melalui dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan Inggeris," katanya.

Olsen yang ditemui ketika previu video tersebut kepada pihak media berkata, kempen tersebut dilaksanakan agar ibu bapa, guru dan golongan dewasa dalam masyarakat dapat mendidik anak-anak tentang hormat-menghormati melalui pelajaran dan contoh.

Katanya, bagi merealisasikan kempen ini UNICEF telah mengadakan kerjasama dengan Story Me Studios yang menghasilkan ilustrasi bagaimana kanak-

kanak didiskriminasi oleh kanak-kanak lain. Menerusi dua video ini, masyarakat akan dipertontonkan dengan dua situasi.

"Satu situasi memperlihatkan bagaimana seorang kanak-kanak secara terang-terangan memberitahu gurunya bahawa dia tidak mahu duduk di sebelah rakan sekelas yang menghidap HIV.

"Manakala satu situasi lagi menunjukkan seorang kanak-kanak lelaki meniru gaya seorang rakannya berjalan menggunakan tongkat," jelasnya.



Ilustrasi situasi yang menunjukkan seorang kanak-kanak enggan duduk di sebelah kanak-kanak lain yang menghidap HIV.

Seorang kanak-kanak mengajak aksi seorang kanak-kanak lain berjalan menggunakan tongkat merupakan salah satu situasi yang tidak sepatutnya berlaku dalam masyarakat dan ditonjolkan UNICEF melalui pesanan khidmat masyarakat.